

Majlis Penutupan Bulan Keusahawanan diadakan Sabtu ini

UB 23.11.2022 P.08

KOTA KINABALU: Majlis Penutupan Bulan Keusahawanan sempena sambutan Bulan Keusahawanan Antarabangsa akan diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Sabtu ini.

Presiden Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Wanita Bumiputera Sabah (IKSnita) Sabah, Datuk Dayang Khatijah Datu Bachtiyal berkata, program yang dilaksanakan bersama Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) UMS itu diadakan sebagai perkongsian ilmu di antara para pengusaha tempatan dan pelajar UMS.

"Program yang berlangsung sepanjang bulan November ini memberi penekanan mengenai pelbagai program dan aktiviti



TERIMA KASIH: Khatijah (empat kanan) menyampaikan cendera kenangan kepada Norlidah (enam kiri).

keusahawanan bertujuan bagi merealisasikan aspirasi dan potensi keusahawanan agar

dapat melahirkan lebih ramai lagi graduan yang holistik, berciri keusahawanan serta

seimbang sebagai pencipta pekerjaan.

"Dijangka seramai 200

pelajar UMS dari pelbagai jurusan dan 100 usahawan wanita akan menghadiri

majlis penutupan tersebut yang bermula pada jam 10 pagi," katanya ketika ditemui media selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Isteri Yang Dipertua Negeri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni di Istana Seri Kinabalu, pada Isnin.

Tambah Khatijah, tujuan kunjungan adalah bagi menjemput Norlidah hadir sebagai tetamu kehormat pada majlis penutupan berkenaan.

Hadir sama, Timbalan Presiden IKSnita Sabah Datuk Paduka Rehan Rahim, Wanita Inspirasi IKSnita Sabah Datin Saadiah Abdul Rashad, Timbalan Pengarah PKPKP UMS Dr. Nur Thara Atikah Zainal serta Pengarah Pusat Komunikasi Korporat UMS Dr. Jakarta Dasan.